


Usah paksa,  
sebaliknya guna  
pendekatan  
positif, mesra  
galak anak  
belajar



Saya mempunyai anak yang belajar di Tahun Satu. Masalah utama yang saya hadapi ialah anak saya kurang beri perhatian terhadap pelajarannya. Dia tidak begitu teruk dan tidaklah begitu pandai. Saya sudah berpisah dengan suami, tapi kasih sayang saya dan bekas suami tidak hilang untuk anak kami. Saya tegas dan sentiasa bagi arahan untuk anak apabila membuat kerja sekolah atau belajar. Adakah disebabkan ketegasan saya membuatnya kurang beri perhatian kerana takutkan saya? Mungkin kerana arahan yang saya beri itu menyebabkan dia melakukan dengan cara terpaksa?

IBU RISAU

# Elak sindrom robot

## INFO

### Tip galak anak mendengar kata

- Tentukan dengan jelas apakah tingkah lakunya yang anda harap dapat diubah.
- Pandang wajah anak dan matanya dengan penuh kasih sayang dan sampaikan apa yang anda ingin daripadanya dengan sepenuh hati.
- Beritahu apa yang anda harapkan daripada anak dalam suasana positif.
- Beritahu dengan pernyataan yang jelas dan mudah.
- Tunjukkan respon atau maklum balas terhadap perubahan atau usaha yang si kecil cuba lakukan.
- Beri peluang si kecil meluahkan perasaan dan kehendaknya dalam suasana positif.
- Boleh bertegas dalam kelembutan bagi perkara yang patut, tetapi perlu secara konsisten.



### Bersama Dr Mastura Badzis

**K**EBOLEHAN kanak-kanak untuk memberi perhatian terhadap apa yang dilakukannya adalah satu daripada kemahiran kognitif yang membabitkan proses memahami, mempelajari dan berfikir. Namun, sejauh mana kanak-kanak itu boleh memahami dan mempelajari sesuatu perkara pula bergantung kepada sejauh mana beliau memahami kehendak dirinya sendiri, memahami apakah 'tugasan' yang diberikan kepadanya; yang akan mendorongnya bertindak menentukan apakah strategi yang terbaik untuk melakukan 'tugasan' berkenaan.

Dalam erti kata lain, jika seseorang kanak-kanak itu dipaksa melakukan sesuatu perkara tanpa memahami apakah perkara tersebut atau apakah kepentingannya, maka tugas atau 'tanggungjawab' yang dilaksanakannya itu dilakukan dalam keadaan

anak itu sendiri tidak tahu apa dibuatnya, jauh sekali untuk menentukan atau memikirkan 'strategi' yang terbaik bagi menyempurnakannya.

Sebagai contoh, jika seorang kanak-kanak berusia dua tahun diminta memasukkan bola ke dalam bakul menggunakan tangan dalam satu acara sukaneka, kita mungkin akan mendapati si kecil menendang bola itu atau berjalan lambat memerhatikan orang sekeliling tanpa membuat 'tugasannya' walaupun pengasuh dan gurunya beriya-beriya bertepuk tangan memberi rangsangan untuknya.

Ini disebabkan anak kecil itu sendiri tidak faham apakah itu pertandingan, apa dimaksudkan dengan menang dan kenapa, kena ambil bola dengan tangan sedangkan bola selalunya ditendang dan sebagainya.

Dalam konteks ini apabila seseorang kanak-kanak tidak memahami apa dilakukannya dan strategi untuk melakukan sesuatu tugas bukan datang daripada pilihan dirinya, beliau akan menjadi seperti robot yang apabila ditekan punatnya berubah bergerak tanpa berfikir apa tujuannya.

Meskipun kemahiran memberi tumpuan terhadap pelajaran adalah satu daripada aspek kognitif, perlu difahami penguasaan kemahiran kognitif berkait rapat dan bertitik tolak dari perkembangan deria, perkembangan bahasa dan perkembangan sosioemosi.

Aktiviti kognitif adalah aktiviti pemikiran dan tingkah laku yang membentuk konsep pandangan, persepsi, pembelajaran, memori

ANDA ada masalah dengan anak? Kongsi masalah bersama Pakar Perkembangan Pendidikan Kanak-Kanak yang juga Penolong Profesor di Institut Pendidikan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Dr Mastura Badzis. Hantar soalan anda ke e-mel [bhnta@bharian.com.my](mailto:bhnta@bharian.com.my) atau melalui pos di alamat Unit Ratu, Berita Harian, 31, Jalan Riong, 59100 Bangsar, Kuala Lumpur.

dan sebagainya; dipengaruhi oleh faktor biologi, sosial, persekitaran, pengalaman dan motivasi. Jelas di sini, pemupukan kemahiran kognitif perlu dimulakan dengan penguasaan kemahiran sosial dan pematapan emosi.

Dalam senario seorang anak dipaksa atau dimarahi setiap kali diminta untuk menumpukan perhatian terhadap pelajarannya, pengalaman ini akan membentuk persepsi bahawa belajar itu suatu yang menyakitkan dan menekan dan sebagainya.

Ini akan menyebabkannya benci atau tidak mahu belajar kerana takut dimarahi. Sebaliknya jika seorang anak disuruh belajar dengan pelukan dan sentuhan mesra, maka ia akan membentuk persepsi bahawa belajar itu suatu yang menggembirakan dan membahagiakan.

Pastinya bila ini berlaku, anak akan terdorong untuk belajar tanpa disuruh dan dia sendiri akan menentukan atau memilih strategi terbaik bagaimana dia boleh memberi tumpuan terhadap pelajarannya.

Ketegasan dan paksaan atau hukuman akan menyebabkan anak berasa takut lalu melakukan apa yang disuruh atau meninggalkan apa yang dilarang; hanya apabila ibu bapa ada di hadapannya.

Ini disebabkan apa dilakukannya bukan datang dari kesedarannya sendiri tentang kepentingan dan kebaikan apa yang dibuatnya. Apabila anak dihukum atau ditengking setiap kali dia disuruh melakukan sesuatu, dia akan mengaitkan atau memfokuskan pemikirannya terhadap orang yang menengking bukan apa yang patut dibuat.

Perlu diingat, ketegasan yang keterlaluan hanya akan menyebabkan anak berasa rendah harga diri dan hilang keyakinan untuk menunjukkan yang dia boleh buat yang terbaik. Malah, ia akan menyebabkan anak bertindak agresif, liar dan menambah keinginan anak menunjukkan sifat degil dan berkeras dengan tabiatnya.

Hukuman juga tidak dapat memberikan bimbingan atau panduan apakah tingkah laku baik yang harus diamalkan oleh si kecil. Ia juga tidak dapat membentuk si kecil mendisiplinkan diri, jauh sekali memahami dan menghayati apa yang harus dilakukan.

Namun, ini bukan bermaksud memanjakan anak tidak bertepatan. Sesuatu peraturan atau kehendak bila disampaikan dengan baik dan tenang akan diterima dan difahami dengan baik serta mudah untuk diamalkan.